

Dr
Mohd Yahya Mohd Ariffin



(Profesor Madya dan Timbalan Dekan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, Universiti Sains Islam Malaysia)

Faktor kebolehpasaran graduan

(Bahagian akhir)

Dalam ruangan ini penulis menyambung perbincangan dua siri lepas mengenai beberapa keperluan yang harus diberi perhatian oleh graduan baharu untuk memenuhi kebolehpasaran masing-masing. Beretika dan bermoral, pembelajaran berterusan, keusahawanan dan memiliki ciri-ciri kepemimpinan mampu meningkatkan kebolehpasaran graduan.

Beretika dan bermoral

Setiap graduan perlu memiliki kemahiran etika dan moral profesional yang tinggi supaya boleh diamalkan dalam pekerjaan serta ketika interaksi sosial. Menurut beberapa sarjana, etika ialah kepercayaan tentang betul dan salah yang menjadi panduan manusia berfikir dan bertindak terhadap sesuatu perkara.

Pengajian di institusi pengajian tinggi (IPT) cuba menerapkan kemahiran ini dalam diri pelajar termasuk kebolehan memahami kesan ekonomi, persekitaran dan sosiobudaya dalam amalan profesional masing-masing.

Selain itu, membantu meningkatkan kebolehan pelajar menganalisis dan membuat keputusan dalam menyelesaikan masalah tugas secara beretika, kebolehan mengamalkan sikap beretika, di samping mempunyai rasa tanggungjawab terhadap masyarakat. Untuk

berjaya dalam profesion masing-masing pelajar harus beretika dan bermoral tinggi supaya lebih bertanggungjawab terhadap tugas, masyarakat dan negara.

Pembelajaran berterusan

Kemahiran pembelajaran berterusan merupakan idea untuk melibatkan pelajar supaya berdikari dalam mencari dan memperoleh kemahiran dan pengetahuan baharu dalam dunia keilmuan.

Ini termasuk kebolehan mencari dan mengurus maklumat yang relevan daripada pelbagai sumber dan kebolehan menerima idea baharu, selain membantu

pelajar mengembangkan sikap dan minda ingin tahu dalam pelbagai perkara.

Menurut Jamaludin (2006) konsep pembelajaran berterusan merujuk kepada proses pendemokrasian pendidikan yang merangkumi program peningkatan pengetahuan, kemahiran dan kompetensi secara formal dan tidak formal di universiti berdasarkan pengalaman serta latihan. Konsep pembelajaran berterusan pada masa ini berasaskan kepada perubahan persekitaran baharu dengan ekonomi berasaskan pengetahuan (K-Ekonomi) menjadi keutamaan.

Kerajaan pula sentiasa memberi galakan pembelajaran sepanjang hayat setinggi mungkin dengan

menyediakan kemudahan menguasai ilmu pengetahuan dan meningkatkan asas kemahiran walaupun selepas tamat pendidikan dan latihan formal.

Apabila bekerja kelak, graduan perlu mendedahkan diri dengan maklumat terkini berkaitan tugas semasa kerana cara ini dapat menambah pengetahuan yang semakin pantas berkembang, selain meningkatkan tahap pendidikan masing-masing.

Keusahawanan

Keusahawanan mempunyai pelbagai ciri positif yang boleh diambil sebagai panduan oleh pelajar kerana sangat berguna apabila bekerja. Lazimnya, seorang

usahawan memiliki ciri-ciri seperti berani mengambil risiko, sentiasa mahu belajar, bersifat dinamis, suka melakukan pembaharuan, daya usaha yang tinggi serta sanggup menghadapi sebarang krisis dalam perniagaan.

IPT cuba mewujudkan budaya keusahawanan dalam kalangan pelajar serta menanam jati diri termasuk berkeyakinan, kreatif, inovatif, serta berdisiplin. Ketika di kampus, pelajar dibimbing untuk meneroka peluang dan membangunkan kesedaran mengenai risiko, kreativiti dan inovasi dalam aktiviti berkaitan perniagaan dan pekerjaan.

Selain itu, pelajar ditekankan dari segi kebolehan mengenal pasti peluang perniagaan, kebolehan merangka perancangan perniagaan, selain kebolehan merebut peluang perniagaan dan bekerja sendiri. Oleh itu, kemahiran keusahawanan akan membantu pelajar yang bercadang untuk membuka perniagaan dalam pelbagai sektor produk dan perkhidmatan, selain menggunakan ciri-ciri keusahawanan ini dalam sebarang kerjaya yang diceburi kelak.

Kepemimpinan

Pelajar IPT ialah bakal pemimpin masa depan negara, justeru mereka memiliki ciri-ciri kepemimpinan kerana selepas bergraduat mungkin

berkhidmat sebagai ketua dengan jawatan eksekutif atau pengurus dalam syarikat. Untuk memimpin sesebuah organisasi dan menjadi pemimpin yang hebat seseorang itu perlu membina dan memperkukuhkan ciri-ciri kepemimpinan.

Di kampus, pelajar berpeluang mempelajari dan mengamalkan ciri kepemimpinan ini dalam pelbagai aktiviti berbentuk akademik atau kokurikulum yang disertai. Ini membabitkan pengetahuan mengenai teori asas kepemimpinan dan kebolehan untuk memimpin projek yang ditugaskan.

Pelajar dididik untuk memahami serta mengambil peranan bersilih ganti antara ketua dan ahli kumpulan, serta kebolehan untuk menyelia ahli-ahli dalam kumpulan. Menurut Jamaludin (2006) kemahiran kepemimpinan ada yang bersifat sementara, kekal dan berubah-ubah mengikut suasana dan kesesuaiannya.

Kepemimpinan ialah proses individu menggunakan kekuatan dan kemahiran akal fikiran serta potensinya secara menyeluruh yang membabitkan aspek keupayaan, kebolehan dan kebijaksanaan untuk mengawal dan menyesuaikan diri dalam apa jua keadaan. Memiliki ciri-ciri kepemimpinan ini memberi kelebihan kepada graduan ketika mencari kerja.